

Lawatan Industri Zon Kota Kinabalu



Lawatan ke Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko,
Lembaga Koko Malaysia

Pada semester 2 2009/2010, seramai lebih kurang 115 orang pelajar Sekolah Sains dan Teknologi telah menjalani Latihan Industri di sekitar Kota Kinabalu. Pada 24 Jun sehingga 17 Julai 2010, seramai 9 orang pensyarah telah ditugaskan sebagai pegawai penilai untuk menilai prestasi pelajar sekaligus menyampaikan ucapan penghargaan kepada pihak industri serta membuka laluan jalinan kerjasama antara universiti dan industri. Tempat-tempat yang dilawati adalah Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar,

Jabatan Kimia, Jabatan Mineral dan Geosains, Unit Sains dan Teknologi, badan-badan berkanun serta swasta seperti Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, Lembaga Koko Malaysia, Telekom Malaysia Berhad, Kota Kinabalu Wetland Centre, SMC Healthcare Sdn. Bhd dan lain-lain lagi. Banyak input positif yang diperolehi dari pihak industri yang boleh menyumbang kepada penambahbaikan pelbagai aspek dalam program latihan industri ini. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan komunikasi dua hala di antara pihak sekolah dan pihak industri. Diharapkan juga para pelajar telah menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu yang bermanfaat sepanjang latihan ini.

Artikel oleh: Hartinie Marbawi



Pn. Roslina Jawan menyampaikan cenderahati kepada kakitangan Environmental Action Committee, Kota Kinabalu